

D994

U B623 DEB
MAHATHIR - PERCANGGAHAN R R R

KOTA BAHARU, 2 OKT (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENENTUKAN SETIAP CAWANGAN PERKHIDMATANNYA MEMAINKAN PERANAN MENGIKUT BIDANG TUGAS MASING-MASING UNTUK MENGELAK BERLAKUNYA PERCANGGAHAN PERANAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

MENURUTNYA, CAWANGAN-CAWANGAN PERKHIDMATAN SEPERTI POLIS ATAU TENTERA SERTA PERKHIDMATAN AWAM DAN PERUNDANGAN SEHARUSNYA TIDAK MENCAMPURI BIDANG TUGAS YANG LAIN KERANA ITU AKAN MENDATANGKAN KESAN YANG BURUK TERHADAP KELICINAN PENTADBIRAN NEGARA.

+TETAPI KINI ADA ALIRAN YANG TIDAK SIHAT DAN KERAJAAN AKAN MENENTUKAN IA TERHAD KEPADA PERINGKAT ITU SAHAJA,+ KATANYA SEMASA BERUCAP DALAM MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA LAWATAN BELIAU SELAMA DUA HARI KE KELANTAN YANG BERAKHIR ESOK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, JIKA PERANAN ITU MEREBAK IA AKAN MENDATANGKAN MASALAH YANG BESAR.

MENURUTNYA, MALAYSIA MEMPUYAI PERKHIDMATAN AWAM YANG PROFESIONAL YANG TIDAK MENCAMPURI HAL-HAL POLITIK MELAINKAN JIKA SESEORANG ITU BENAR-BENAR BERMINAT, IA AKAN MELETAKKAN JAWATAN DAN MENCEBUR DIRI SEPENUH MASA. -- LAGI.

2324MST 02 10 87

D995

U B624 DEB
MAHATHIR - PERCANGGAHAN 2 KOTA BAHARU R R R

BEGITU JUGA DENGAN PIHAK POLIS DAN TENTERA SERTA JUGA BIDANG PERUNDANGAN, MASING-MASING TELAH MENGASINGKAN DIRI DARIPADA TERBABIT DALAM TUGAS DAN PERANAN PERKHIDMATAN YANG LAIN.

+DALAM BIDANG POLITIK DI MALAYSIA INI, KITA MEMPUYAI AHLI-AHLI POLITIK YANG PROFESSIONAL YANG MELIBATKAN DIRI SEPENUH MASA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, DENGAN ADANYA PEMBAHAGIAN TUGAS YANG SEBENAR, NEGARA AKAN DAPAT DITADBIRKAN DENGAN LICIN DAN JAYA.

BAGAIMANAPUN KATANYA, PADA MASA INI ADA PIHAK YANG TIDAK MENGHADKAN DIRI KEPADA BIDANGNYA SAHAJA DAN KERAJAAN AKAN TENTUKAN IA TIDAK MEREBAK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU MENINGATKAN DEMIKIAN KERANA PEMBAHAGIAN PERANAN ITU AMAT PENTING DALAM MENENTUKAN PENTADBIRAN NEGARA TIDAK AKAN MENGHADAPI SEBARANG MASALAH BESAR. -- LAGI.

2325MST 02 10 87

D996

U B626 DEB
MAHATHIR - PERCANGGAHAN 3 KOTA BAHARU R R R

ANTARA MEREKA YANG HADIR PADA JAMUAN ITU IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHAMAD YAACOB, MENTERI PERTAHANAN TENGGU AHMAD RITHUADDEEN DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO NEGERI TERMASUK BEKAS MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH.

DATUK SERI MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO KEMUDIAN MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA JAWATANKUASA PERHUBUNGAN UMNO KELANTAN DI KEDIAMAN RASMI MENTERI BESAR. -- BERNAMA.

2326MST 02 10 87